



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA

5 September 2023

MCMC KOMITED TANGANI MASALAH LIPUTAN DAN KUALITI PERKHIDMATAN KOMUNIKASI DI TAMAN AMBASSADOR VILLAGE, DURIAN TUNGGAL, MELAKA

Susulan aduan yang dibangkitkan mengenai masalah liputan komunikasi daripada penduduk Taman Ambassador Village, Durian Tunggal, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menyantuni pengadu pada 1 September 2023 lalu dan menjalankan aktiviti pengauditan perkhidmatan komunikasi talian mudah alih di lokasi aduan.

Hasil pengauditan yang dijalankan mendapati, beberapa syarikat penyedia perkhidmatan iaitu Celcom, Maxis, YTL dan Telekom Malaysia (TM) tidak mematuhi standard mandatori kualiti perkhidmatan yang ditetapkan.



PEGAWAI MCMC menyantuni beberapa orang pengadu di Taman Ambassador Village, Durian Tunggal, Melaka susulan masalah liputan komunikasi yang dikemukakan.

Sehubungan itu, MCMC akan mengeluarkan notis di bawah subseksyen 51 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) kepada keempat-empat penyedia perkhidmatan berkenaan meminta mereka untuk memberikan penjelasan lanjut serta mendapatkan pelan penyelesaian interim dan jangka panjang bagi menangani masalah liputan komunikasi di kawasan yang terkesan itu.

Di samping itu, MCMC turut berkongsi rancangan sedia ada yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan komunikasi di Taman Ambassador Village, Melaka. Buat masa ini, pembinaan rangkaian gentian optik di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sedang dilaksanakan di lokasi aduan dan projek berkenaan dijangka siap menjelang akhir tahun 2023 yang bakal memanfaatkan 250 orang penduduk.

MCMC akan terus memantau dan memastikan liputan komunikasi di lokasi tersebut dalam keadaan yang optimum demi keselesaan penduduk.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV